

Belanjawan 2027 fokus langkah penjimatan

• Oleh Utusan Malaysia - 30 Mei , 2026 @ 05:00pm



ANWAR Ibrahim bergambar bersama para penulis semasa pelancaran buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada Majlis Perasmian PBAKL di Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur, semalam. Turut mengiringi Perdana Menteri ialah Fadhlina Sidek dan Zambray Abdul Kadir. – UTUSAN/AMIR KHALID

KUALA LUMPUR: Belanjawan 2027 yang akan dibentangkan pada Oktober ini dijangka memberi tumpuan kepada langkah penjimatan melibatkan semua kementerian, termasuk Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pendekatan tersebut perlu dilaksanakan bagi memastikan kedudukan kewangan negara kekal stabil dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa.

Walaupun sektor pendidikan turut terlibat dalam usaha penjimatan peruntukan, kerajaan memberi jaminan bahawa mutu pendidikan serta kemudahan asas di sekolah dan universiti tidak akan terjejas. Menurut beliau, langkah itu diambil susulan kesan kelembapan ekonomi akibat konflik di rantau Teluk yang berpunca daripada serangan Israel dengan sokongan Amerika Syarikat (AS), sekali gus memberi tekanan kepada ekonomi global dan negara.